

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG STATE SECRETARY OF PAHANG

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : SUKPHG-9.100-7/5/3 Jld.2 (13)  
Tarikh : **30** April 2024

**Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan**

**Semua Pegawai Daerah**

**Semua Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

**Semua Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri / Persekutuan**

Sahibus Samahah Dato' Dr. / YAA Dato' / YB Dato' Indera / YH Dato' / Tuan / Puan,

### **JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM INOVASI PERINGKAT NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Kerajaan Negeri Pahang akan menganjurkan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pahang bagi Tahun 2024 sebagai salah satu usaha menyemarakkan budaya inovasi dan kreatif di kalangan penjawat awam dan orang awam. Program kemuncak ini akan diadakan pada bulan **Oktober 2024**.

3. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pahang menjemput semua Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur, Institut Pengajian Tinggi, sekolah dan orang awam untuk menyertai Program Inovasi Peringkat Negeri Pahang bagi Tahun 2024. Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari URL <https://pikir.pahang.gov.my> atau mengimbas **Kod QR** dan penyertaan dibuka sehingga **6 September 2024 (Jumaat)**.



4. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, pihak Sahibus Samahah Dato' Dr. / YAA Dato' / YB Dato' Indera / YH Dato' / tuan / puan, boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut :

- i) Tuan Ts. Muhaimin Mustaqim bin Jamaludin  
Emel : muhaimin.mustaqim@pahang.gov.my  
No. Tel : 09-5139440
- ii) Puan Siti Fatimah binti Che Mood  
Emel : fatimah.cm@pahang.gov.my  
No. Tel : 09-5161345
- iii) Puan Wan Munira binti Wan Ismayudin  
Emel : munira@pahang.gov.my  
No. Tel : 09-5157449

5. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Pahang agar semua Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur, Institut Pengajian Tinggi, sekolah dan orang awam dapat memberi sokongan dalam menjayakan Program Inovasi Peringkat Negeri Pahang bagi Tahun 2024.

6. Segala perhatian dan kerjasama Sahibus Samahah Dato' Dr. / YAA Dato' / YB Dato' Indera / YH Dato' / Tuan / Puan, berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

***“Mudah, Cepat, Telus”***  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)**